

ABSTRAK

Resiliensi dan penghargaan sendiri adalah dua aspek yang sangat penting dalam diri setiap individu terutama remaja yang berada di institusi pemulihan. Kedua-dua aspek ini saling mempengaruhi dan sangat signifikan dalam membantu remaja berkenaan untuk kembali berfungsi dalam masyarakat serta untuk mengelakkan tingkah laku residivisme apabila mereka dibebaskan kelak. Kajian yang telah dijalankan ini adalah bertujuan untuk meneliti hubungan antara resiliensi dengan penghargaan sendiri dalam kalangan penghuni di Asrama Akhlak(P), Jitra, Kedah. Pemboleh ubah bebas yang terdapat dalam kajian ini ialah maklumat demografi yang terdiri daripada aspek umur serta jenis tempat tinggal penghuni terbabit. Manakala pemboleh ubah bersandar pula ialah resiliensi dan penghargaan sendiri. Kajian ini telah dijalankan di Asrama Akhlak (P), Jitra, Kedah yang merupakan salah sebuah institusi pemulihan bagi remaja perempuan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Seramai 51 orang responden yang terdiri daripada penghuni perempuan yang berumur di antara 12 hingga 19 tahun telah dijadikan sampel kajian. Instrumen kajian yang digunakan pengkaji ialah borang soal selidik bagi mendapatkan data dan maklumat dari penghuni tersebut. Data -data yang diperolehi dalam kajian ini telah dianalisis dengan menggunakan kaedah perisian pakej SPSS (*Statistical Package for Social Sciences*) versi 25.0. Analisis Korelasi Pearson dan ujian t-Test telah digunakan bagi menguji hipotesis yang dikaji dan dibentuk. Hasil kajian mendapati terdapat hubungan positif yang signifikan di antara resiliensi dengan penghargaan sendiri pada nilai ($r = 0.474$, $p < 0.01$). Walau bagaimanapun, didapati tiada hubungan yang signifikan di antara umur dan kedua-dua pemboleh ubah tersebut. Selain itu juga, tiada perbezaan resiliensi ataupun penghargaan sendiri yang signifikan berdasarkan tempat tinggal. Beberapa cadangan telah dikemukakan berdasarkan hasil kajian yang diperolehi supaya suatu transformasi yang efektif dapat dilaksanakan.